



'Kami akan dicampak ke Laut Hitam'

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

SEPANG 23 Jun - "Kami akan dicampak ke Laut Hitam untuk menjalani latihan ikhtiar hidup dan juga sebagai persiapan mental sekiranya berlaku sesuatu insiden buruk ketika berlepas atau kembali ke bumi," kata calon angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor (gambar).

Beliau yang ditemui sejurus tiba dari Moscow untuk bercuti awal pagi ini berkata, beliau dan seorang lagi calon angkasawan, Dr. Faiz Khaleed akan menjalani latihan tersebut selama seminggu bermula 15 hingga 22 Julai depan.

Selepas itu, katanya, mereka akan berlepas ke Stesen Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) di Houston, Amerika Syarikat (AS) untuk mempelajari modul angkasa lepas NASA pada 23 hingga 29 Julai.

● PM akan pilih angkasawan - Muka 4

"Kami akan ke Houston bersama beberapa lagi calon angkasawan yang kini menjalani latihan di Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, Star City, Moscow.

"Apabila kembali ke Star City, kami perlu menjalani latihan rutin berenang dan juga berjoging sejauh lima kilometer setiap hari sebelum dipilih

MM : Ahad 24/6/2007

sebagai angkasawan negara," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini, hari ini.

Salah seorang daripada mereka akan berlepas ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) pada 6 Oktober ini dengan pesawat pelancar Soyuz 2 bersama dua lagi angkasawan dari Rusia dan AS.

Sheikh Muszaphar yang sudah boleh bertutur dan memahami bahasa Rusia mengakui sudah cukup bersedia untuk berlepas ke angkasa lepas jika nasib menyebelahnya dan dipilih oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

● Lihat muka 4

'Kami akan dicampak ke Laut Hitam'

Semalam, Timbalan Kaunselor Komerisial, Wakil Kerjasama Antara Negara Rusia (Rosoboronexport), Kolonel Victor N. Kladov berkata, kedua-dua calon negara itu sudah berjaya menamatkan latihan sebagai angkasawan baru-baru ini dan bersedia melaksanakan misi ke angkasa lepas pada bila-bila masa.

Sheikh Muszaphar yang kelihatan ceria dan bertenaga walaupun melalui perjalanan selama hampir 12 jam dari Frankfurt disambut oleh ibunya, Zuraidah Sheikh Ahmad dan adiknya, Sheikh Mustafa.

"Alhamdulillah sepanjang berlatih di Rusia saya tidak pernah sakit malah sentiasa bertenaga walaupun latihannya memang lasak, mungkin berkat doa rakyat Malaysia," katanya yang sudah meninggalkan terus kerjaya sebagai model.

Tambahnya lagi, beliau dan Faiz kini hanya mengikuti kelas bahasa Rusia dua kali seminggu berbanding tiap-tiap hari sebelum ini.

"Menurut guru bahasa kami, kalau nak betul-betul fasih lagi, kami perlu belajar sekurang-kurangnya lima tahun," katanya.

Sementara itu, Faiz berkata, semasa di Houston mereka akan mempelajari latihan modul dari segi komunikasi kerana modul

Rusia adalah berbeza dengan yang dipraktikkan oleh AS.

"Dalam modul AS itu, kami akan diajar jika berlaku kes kecemasan seperti kebakaran, bagaimana hendak padamkan api, di mana letaknya topeng gas, loceng kecemasan, sistem komputernya dan bermacam-macam lagi," katanya.

Faiz yang optimis ketika ditanya mengenai potensi untuk dipilih sebagai angkasawan negara berkata, beliau bersetuju dengan kata-kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaludin Jarjis bahawa kedua-dua calon memang berpotensi untuk melaksanakan misi tersebut.

"Sekiranya terpilih, saya akan melakukan yang terbaik untuk negara, terpulanglah kepada Perdana Menteri hendak pilih saya atau Sheikh Muszaphar," katanya.

Beliau disambut oleh ayahnya, Khaleed Abdullah dan ibunya, Mazinah Mohamed.

Dalam misi yang bakal disempurnakan nanti, tiga penyelidikan perubatan yang dihasilkan oleh tiga penyelidik tempatan dari Institut Perubatan Molekul (UMBI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan diuji oleh angkasawan negara.